

09/05/1998

Persatuan wanita sokong penubuhan Asnita

KOTA KINABALU, Jumaat - Beberapa persatuan wanita di Sabah menyokong dan mengalu-alukan penubuhan Amanah Saham Wanita (Asnita) yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur kelmarin.

Mereka sependapat Asnita adalah wadah terbaik bagi golongan wanita membantu kerajaan memulihkan ekonomi negara. Sehubungan itu, mereka mahu kalangan wanita di Sabah merebut peluang dalam Asnita.

Menerusi Asnita, 400 juta unit saham disediakan dengan harga tawaran 50 sen seunit. Ia turut menawarkan pelbagai faedah tambahan kepada pelabur.

Setiausaha Kehormat Kelab Suri Rumah dan Kakitangan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Asiah Bahrin, berkata Asnita harus diberi sokongan padu kerana ia dapat membantu memulihkan ekonomi negara.

Katanya, penubuhan Asnita adalah langkah untuk membantu negara mencari jalan penyelesaian terhadap kegawatan ekonomi.

"Wanita memainkan peranan penting dalam menentukan perbelanjaan keluarga bagi mengelak perbelanjaan berlebihan," katanya kepada Berita Harian.

Sehubungan itu, beliau berkata golongan wanita harus mengamalkan sikap berjimat-cermat kerana ia menjadi contoh kepada generasi masa depan.

"Seharusnya sikap dan amalan menabung dipertingkatkan. Ia harus dijadikan budaya selain perlu mengelak pembaziran dalam perbelanjaan," katanya.

Menurutnya, melabur dalam skim amanah adalah untuk simpanan masa depan. Ia bukan sekadar membantu mempertingkatkan ekonomi keluarga, tetapi juga membantu negara memulihkan ekonomi.

Asiah turut menyarankan promosi Asnita diperhebatkan khususnya di kawasan luar bandar bagi memudahkan wanita di kawasan berkenaan mengetahui maklumatnya dengan mudah.

Timbalan Pengerusi Puspanita Cawangan Sabah, Datin Rusilah Abdul Hamid, berkata penubuhan Asnita adalah langkah terbaik bagi menggalakkan wanita di negeri ini menabung.

Katanya, ia juga sebagai langkah memberi pengiktirafan kepada wanita agar sentiasa berjimat bagi persediaan masa depan.

"Wanita harus memainkan fungsi membantu memulihkan kegawatan ekonomi negara dan tidak boros," katanya.

Menurutnya, menyimpan wang tunai secara berlebihan di rumah pasti merugikan diri sendiri, malah lebih baik melabur demi kepentingan masa depan.

(END)